

PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan agensi negeri Selangor dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri.
- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenalpasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.
- Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap agensi seperti berikut:
 - Perolehan Sistem dan Projek di Majlis Bandaraya Shah Alam;
 - Tunggakan Hasil/Terimaan Rumah Penempatan Sementara “Desa Lembah Permai” (Rumah PS) di Majlis Perbandaran Ampang Jaya; dan
 - Pembayaran Bagi Projek Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) di Majlis Bandaraya Shah Alam

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan negeri dilaksanakan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- **Perolehan Sistem dan Projek di Majlis Bandaraya Shah Alam**
 - sejumlah RM0.94 juta telah dibayar bagi pembangunan iAkaun tetapi tidak siap sepenuhnya dan tidak digunakan;
 - kerugian atas penamatan kontrak bagi dua projek berjumlah RM9.93 juta tidak dituntut;
 - perbezaan pengiraan kos penamatan kontrak berjumlah RM0.75 juta tidak dituntut.
- **Tunggakan Hasil/Terimaan Rumah Penempatan Sementara “Desa Lembah Permai” (Rumah PS) di Majlis Perbandaran Ampang Jaya**
 - sejumlah RM1.45 juta tunggakan yang terdiri daripada tunggakan sewa, bil elektrik dan bayaran caj penyelenggaraan Rumah PS tidak dikutip.

- **Pembayaran Bagi Projek Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) di Majlis Bandaraya Shah Alam**

- 20 perolehan kerja membaharu muka jalan berjumlah RM9.84 juta tidak menepati spesifikasi Ujian Ketebalan Lapisan Jalan (Coring Test).

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- **Perolehan Sistem dan Projek**

Majlis Bandaraya Shah Alam perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- memastikan kerugian atas kos penamatan kontrak dituntut daripada kontraktor dan mengambil tindakan proaktif untuk memungut semula kos atau ganti rugi bagi penamatan kontrak melalui proses undang-undang yang bersesuaian daripada kontraktor yang berkenaan; dan
- mengambil tindakan terhadap mana-mana pegawai yang cuai melaksanakan tanggungjawab serta tidak mematuhi peraturan dan pekeling kewangan yang berkuat kuasa.

- **Tunggakan Hasil/Terimaan Rumah Penempatan Sementara “Desa Lembah Permai” (Rumah Ps)**

Majlis Perbandaran Ampang Jaya perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- mewujudkan surat perjanjian sewaan dan ditandatangani antara MPAJ dengan penyewa mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949 bagi menjaga kepentingan pihak yang berkontrak; dan
- memperketatkan dan menambah baik proses, mekanisme dan prosedur kutipan tunggakan sewa, bil elektrik dan bayaran penyelenggaraan serta mengenakan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap penyewa yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan.

- **Pembayaran Bagi Projek Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)**

Majlis Bandaraya Shah Alam perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- memastikan kawalan bayaran dipatuhi sewajarnya bagi mengelakkan berlakunya pembayaran tidak wajar atau tidak menepati spesifikasi; dan
- memastikan pelaksanaan prosedur perolehan selaras dengan arahan yang ditetapkan bagi mengelakkan ketidakpatuhan pembayaran di masa akan datang.

PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/pejabat dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

2. Pada tahun 2021, sebanyak tiga pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap dua agensi negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2021

BIL.	TAJUK	AGENSI NEGERI
1.	Perolehan Sistem dan Projek	• Majlis Bandaraya Shah Alam
2.	Tunggakan Hasil/Terimaan Rumah Penempatan Sementara "Desa Lembah Permai" (Rumah PS)	• Majlis Perbandaran Ampang Jaya
3.	Pembayaran Bagi Projek Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)	• Majlis Bandaraya Shah Alam

Sumber: Jabatan Audit Negara

3. Pemilihan dibuat berdasarkan terimaan dan perbelanjaan agensi yang utama dan berisiko tinggi.